



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN SEBUTHARGA: (01) INFO/PK/K/7(2025-2026)

TAJUK SEBUTHARGA: MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN MENCETAK DAN PEMBEKALAN GAMBAR BAGI JABATAN PENERANGAN SECARA BERKONTRAK SELAMA SATU (1) TAHUN

YURAN: DIKENAKAN BAYARAN BND5.00

TARIKH TUTUP: HARI KHAMIS, 17HB APRIL 2025, JAM 8.00 PAGI

Syarat-syarat bagi mengikuti tawaran sebut harga adalah seperti berikut:-

- 1. Syarikat-syarikat yang dipelawa adalah syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.**
- 2. Syarikat hendaklah menyertakan dokumen-dokumen seperti berikut:-**
 - Lesen Rampaian**
 - Lesen Perniagaan 16 & 17**
 - EFT Keterangan Bank**
- 3. Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Bangunan Asal, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas dan dialamatkan kepada:-**

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

- 4. Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi dengan disertakan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditutup rapi dengan menyatakan bilangan tawaran tanpa menyatakan tajuk tawaran seperti berikut:-**

Bilangan Sebutharga : (01) INFO/PK/K/7(2025-2026)

- 5. Borang Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga tidak lewat pada Khamis, 17hb April 2025 Jam 8.00 pagi.**

6. Borang yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Pembayaran yuran tawaran bolehlah dibuat di Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Aras 4, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan pada waktu kaunter beroperasi iaitu Isnin hingga Khamis, jam 8.00 pagi – 11.30 pagi dan 1.30 petang – 2.30 petang kecuali Sabtu 8.00 pagi – 11 pagi.
8. Salinan resit pembayaran hendaklah disertakan semasa menghadapkan Borang Sebut Harga.
9. Keterangan dan Borang Sebut Harga bolehlah didapati dengan menghubungi Awang Mohammad Azmi bin Awang Damit melalui talian 8668667 / e-mel azmi.damit@information.gov.bn atau Awang Haji Ariffin bin Mohamad Noor melalui talian 8805863 / e-mel ariffin.noor@information.gov.bn.